

Wartawan *Kosmo!* dapati laman sosial Cheongster tidak lagi boleh diakses

# Laman tawar pelacuran ditutup

Oleh MOHD. HAFIZI AHMAD

**KUALA LUMPUR** – Setelah lebih dua tahun mempromosi kegiatan persundalan dan pelacuran di negara ini, laman sosial Cheongster tidak lagi boleh diakses oleh orang ramai ekoran pendedahan *Kosmo!* mengenai aktiviti jijik itu.

Siasatan *Kosmo!* mendapati laman sosial itu masih lagi beroperasi seperti biasa pada sebelah pagi namun ia tidak lagi dapat diakses seperti biasa selepas pukul 4 petang semalam.

Bagaimanapun, tidak dapat dipastikan sama ada penutupan laman sosial itu dilakukan oleh pengendali Cheongster sendiri atau pihak berkuasa seperti Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM).

Cubaan *Kosmo!* untuk mendapatkan maklum balas daripada Kementerian Komunikasi dan Multimedia serta SKMM tidak berhasil apabila kesemua pegawai tertinggi agensi tersebut



NOR AZURA

enggan mengulas mengenai laman sosial itu.

Sementara itu, Pensyarah Kanan Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat Universiti Putra Malaysia, Dr. Nor Azura Husin berkata, laman sosial tersebut tidak dapat dilayari disebabkan pengendali laman sosial itu yang menyekat ia daripada diakses oleh pihak luar.

Beliau berkata, pemilik atau pengendali laman sosial itu mempunyai keupayaan untuk menyekat Cheongster daripada terus beroperasi dengan menamatkan server atau mengubah alamat IP laman web berkenaan.

“Pengendali laman sosial Cheongster mungkin sudah mengetahui laman webnya telah didedahkan. Sebagai langkah keselamatan pihak pengendali laman itu telah menamatkan server atau mengubah alamat IP laman web tersebut.

“Ia amat mudah kerana pengendali laman web mempunyai autoriti atau kuasa. Seperti juga




INILAH laman web Cheongster yang sudah beroperasi sejak dua tahun lalu.

dengan akaun laman sosial Facebook anda, jika tidak lagi mahu digunakan anda boleh menutup akaun tersebut,” katanya ketika dihubungi *Kosmo!* semalam.

*Kosmo!* semalam melaporkan laman web Cheongster yang



KERATAN *Kosmo!* semalam.



LAMAN sosial Cheongster tidak lagi boleh diakses oleh orang ramai selepas pukul 4 petang semalam.

diwujudkan dua tahun lalu oleh pihak tidak bertanggungjawab untuk mempromosi kegiatan persundalan dan pelacuran.

Siasatan wartawan *Kosmo!* yang menyamar sebagai ahli laman sosial itu mendapati selain menawarkan khidmat seks oleh gadis-gadis tempatan dan luar negara, peserta komuniti Cheongster juga menggalakkan ahlinya bertukar-tukar pasangan sama ada teman wanita, tunang atau isteri.

Menurut Nor Azura, laman web itu juga boleh ditutup oleh pihak berkuasa seperti SKMM kerana teknologi dan kepakaran yang dimiliki oleh agensi itu sangat canggih selain memiliki pegawai terlatih.

“Jika SKMM telah sedar mengenai kewujudan laman web yang menyalahi undang-undang, ia boleh menutup atau menyekatnya daripada diakses oleh orang ramai sama seperti laman web lucah lain yang telah banyak disekat,” ujar beliau.